

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN R. SIVARASA [SUBANG]**

TARIKH : **10.6.2014**

NO. SOALAN :

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini enam buah sekolah Tamil yang pada 22 Januari 2012 diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri akan dibina di Sg. Petani, Sg. Siput, Klang, Petaling Jaya, Kajang dan Masai di mana juga diumumkan lesen untuk 6 sekolah tersebut telah diluluskan oleh Jemaah Menteri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan 6 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) baharu telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri dan sebagai sekolah kerajaan adalah menjadi tanggungjawab pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan pembinaannya berjalan seperti yang dihasratkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini status pembinaan SJKT tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Nama sekolah	Status
1	SJKT Tan Sri Manickavasagam, Taman PJS 1, Petaling, Selangor	Dalam proses pelantikan perunding.
2	SJKT Bandar Mahkota, Hulu Langat, Selangor	

3	SJKT Taman Sentosa, Klang, Selangor	Proses pelantikan perunding telah selesai. Surat Setuju Terima (SST) perunding dan taklimat permulaan projek akan dibuat pada 3 Jun 2014.
4	SJKT Heawood, Sg Siput (U), Perak	
5	SJKT Taman Keladi, Sg Petani, Kedah	
6	SJKT Bandar Sri Alam, Pasir Gudang, Johor	

Rjm20